

Soalan-soalan Lazim Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu

1. Apakah Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu?

Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu merupakan manfaat percuma apabila anda mendaftar atau memperbaharui Insurans/Takaful Kereta Etiqa. Sekiranya purata perjalanan anda setiap hari jatuh di bawah had yang ditetapkan, anda layak mendapat pulangan tunai sehingga 30% nilai premium/sumbangan anda (selepas ditolak NCD).

2. Apakah manfaat mengurangkan memandu terhadap alam sekitar?

Mengurangkan memandu akan mengurangkan pelepasan gas ekzos dan merendahkan impak terhadap alam sekitar. Izinkan Etiqa mengganjari pilihan mesra alam anda!

3. Adakah Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu merupakan manfaat berbayar?

Manfaat ini 100% percuma bagi pelanggan Insurans/Takaful Kereta Persendirian Komprehensif Etiqa.

4. Siapa yang layak menerima manfaat tambahan ini?

Anda boleh menikmati manfaat ini sekiranya kereta anda memenuhi syarat di bawah:

- Dilindungi dengan Insurans/Takaful Kereta Persendirian Komprehensif Etiqa
- Dipakai untuk kegunaan peribadi (bukan perniagaan)

5. Kereta kedua/tambahan saya jarang digunakan. Bolehkah saya mendapat manfaat ini?

Ya! Manfaat tambahan ini sangat sesuai untuk kereta yang jarang digunakan.

6. Adakah kereta mewah atau kereta sport dibenarkan?

Ya, semua jenis kereta boleh menyertai selagi memenuhi kriteria yang telah ditetapkan.

7. Adakah saya masih mendapat Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)?

Ya! Anda masih akan menerima NCD. Pulangan tunai akan dikira berdasarkan premium/sumbangan anda selepas NCD ditolak.

8. Bagaimanakah Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu berfungsi?

Dapatkan pulangan tunai dalam 3 langkah mudah!

Langkah 1: Daftar untuk program pulangan tunai melalui aplikasi Etiqa+

Muat turun aplikasi Etiqa+ dan daftar untuk program ini dengan memuat naik gambar bacaan meter kereta dan plat nombor kereta anda.

Langkah 2: Muat naik gambar bacaan meter kereta anda

Selepas pendaftaran anda berjaya, anda boleh memuat naik gambar bacaan meter kereta anda pada bila-bila masa dengan selang waktu minima 10 hari.

Langkah 3: Nikmati pulangan tunai

Selepas anda berjaya memuat naik gambar bacaan meter kereta anda, proses pembayaran pulangan tunai akan disiapkan dalam masa 10 hari bekerja. Anda boleh menyemak status pulangan tunai dalam aplikasi Etiqa+ di bawah **Submission History**.

9. Saya menaiki LRT/MRT ke tempat kerja. Adakah ini sesuai untuk saya?

Ya! Oleh sebab anda kurang menggunakan kereta, anda mungkin layak untuk mendapat **pulangan tunai sehingga 30%**.

10. Ada minggu yang saya bekerja di rumah dan ada juga minggu yang saya ke pejabat. Adakah saya masih layak?

Ya, pulangan tunai dikira berdasarkan **purata jarak perjalanan harian** anda, jadi hari perjalanan yang rendah boleh mengimbangi hari perjalanan yang lebih tinggi.

11. Sekiranya saya menggunakan kereta hanya untuk menghantar anak ke sekolah atau membeli barangan runcit, adakah saya layak mendapat pulangan tunai lebih tinggi?

Ya! Pulangan tunai dikira berdasarkan purata jarak perjalanan harian. Perjalanan harian yang lebih singkat layak mendapat **pulangan tunai lebih tinggi**.

12. Bagaimana saya boleh aktifkan dan menghantar tuntutan pulangan tunai?

Pengaktifan Kali Pertama

Sebagai langkah permulaan, muat turun aplikasi Etiqa+ dan log masuk atau daftar akaun baharu

1. Pilih **My Active Policy/Cert.**
2. Pilih kereta anda dan tekan **Activate Now**
3. Muat naik gambar meter kereta dan gambar plat nombor kereta anda
4. Sahkan bacaan meter kereta dan maklumat akaun bank
5. Tekan **Submit**

Hantaran Selanjutnya

1. Log masuk ke aplikasi Etiqa+
2. Pilih **My Active Policy/Cert.** dan pilih kereta anda
3. Tekan **Get Cashback**
4. Muat naik gambar bacaan meter kereta (pastikan selang waktu minima 10 hari antara setiap kali anda memuat naik/membuat hantaran)
5. Sahkan dan hantar

13. Jika anda menghadapi masalah untuk memuat naik, anda boleh mendapatkan bantuan melalui salah satu saluran sokongan berikut:

- Gunakan Live Chat di aplikasi Etiqa+ untuk bantuan segera
(Setiap hari Isnin hingga Jumaat, jam 9.00 pagi – 5.00 petang, kecuali hari pelepasan am)
- Emel kami di etiqamysupport@etiqa.com.my dan kami akan menghubungi anda secepat mungkin
- Jika anda mempunyai ejen, sila hubungi ejen anda
- Untuk mendapatkan panduan terperinci, layari 101 Guide dalam aplikasi Etiqa+

14. Bila saya boleh memuat naik jarak perjalanan saya?

Bila-bila masa, pastikan selang waktu minima 10 hari antara setiap kali anda memuat naik jarak perjalanan anda.

15. Bolehkah saya menghantar tanpa menggunakan aplikasi Etiqa+?

Tidak. Anda hanya boleh memuat naik jarak perjalanan anda melalui aplikasi Etiqa+ sahaja.

16. Bagaimana pulangan tunai dikira?

Pulangan tunai dikira berdasarkan purata jarak pemanduan harian yang dimuat naik bila-bila masa dalam tempoh kuatkuasa polisi/sijil anda. Syarat kelayakan juga tertakluk pada had maksima perjalanan 15,000 km dalam tempoh 12 bulan. Anda tidak perlu mengurangkan perjalanan harian setiap hari. Biarpun ada hari di mana anda berjalan jauh, anda masih boleh layak untuk mendapat pulangan tunai – yang penting adalah jumlah jarak perjalanan dalam tempoh masa 12 bulan.

Berapa jumlah pulangan tunai yang saya akan nikmati?

Jumlah pulangan tunai dikira berdasarkan **purata jarak memandu harian**. Anda akan dikategorikan dalam salah satu daripada 3 tingkat pulangan tunai.

Tingkat	Jarak Kilometer Sehari	Pulangan Tunai Harian	Jumlah Pulangan Tunai Dalam Setahun
Tingkat 1	0.00 km - 14.00 km	0.082%	30%
Tingkat 2	14.01 km - 28.00 km	0.055%	20%
Tingkat 3	28.01 km - 42.00 km	0.027%	10%

Lebih rendah purata perjalanan harian = lebih tinggi pulangan tunai.

17. Bagaimanakah rupa gambar meter kereta dan plat nombor kereta yang perlu dimuat naik?

Gambar anda mestilah:

- Jelas
- Tidak kabur
- Tidak diubah suai atau terselindung
-

18. Bagaimana jika gambar saya ditolak?

Anda akan menerima notifikasi dalam aplikasi Etiqa+. Anda hanya perlu muat naik gambar baru yang lebih jelas.

19. Bolehkah saya mengangarkan pulangan tunai yang saya akan terima?

Ya, boleh. Anda boleh menggunakan kalkulator Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu di aplikasi Etiqa+ atau di etiqa.com.my untuk mendapatkan anggaran berdasarkan jarak perjalanan anda. Kalkulator ini dapat memberikan anda anggaran jumlah pulangan tunai yang anda akan terima – **sebelum anda memuat naik gambar bacaan meter kereta anda.**

20. Bilakah saya akan menerima bayaran pulangan tunai saya?

Anda akan menerima pulangan tunai selepas bacaan meter kereta yang dimuat naik telah disahkan. Anda boleh memuat naik bacaan meter kereta seterusnya pada bila-bila masa, asalkan terdapat selang waktu minima 10 hari antara setiap kali anda memuat naik bacaan meter kereta anda. Sebelum memuat naik bacaan meter kereta anda, sila pastikan maklumat akaun bank anda adalah betul dan menggunakan nama anda sendiri.

21. Apa akan berlaku sekiranya saya terlupa memuat naik gambar bacaan meter kereta sebelum tamat tempoh kuatkuasa polisi/sijil saya?

Anda mungkin kehilangan peluang mendapatkan pulangan tunai untuk sepanjang tempoh kuatkuasa polisi/sijil tersebut. Sila pastikan anda memuat naik gambar bacaan meter kereta terakhir anda sebelum tamat tempoh kuatkuasa polisi/sijil takaful anda dan pastikan terdapat selang masa minima 10 hari daripada kali terakhir anda memuat naik bacaan meter kereta anda.

22. Saya masih belum lagi memuat naik gambar meter kereta saya. Adakah saya layak mendapat pulangan tunai?

Ya – aktifkan Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu dan muat naik gambar meter kereta dan plat nombor kereta anda dalam tempoh kuatkuasa polisi/sijil anda.

Jika anda memulakan proses ini lebih awal, anda akan mendapatkan pulangan tunai maksima dengan lebih mudah. Teruskan memuat naik bacaan meter kereta dalam selang waktu sekurang-kurangnya 10 hari dan nikmati pulangan tunai.

23. Saya telah membuat tuntutan. Adakah saya masih layak untuk menerima pulangan tunai?

Ya! Tuntutan tidak menjejaskan kelayakan anda untuk menerima pulangan tunai.

24. Kereta saya berada di bengkel. Adakah saya masih perlu memuat naik jarak perjalanan?

Tidak. Anda boleh memuat naik jarak perjalanan pada bila-bila masa selagi kereta anda bersama anda, asalkan terdapat selang masa minima 10 hari antara setiap kali anda memuat naik bacaan meter kereta anda.

25. Saya telah menjual kereta saya. Adakah saya masih akan menerima pulangan tunai?

Anda hanya akan menerima pulangan tunai bagi tempoh sebelum polisi/sijil anda tamat.

26. Bilakah pulangan tunai TIDAK akan dibayar?

Anda tidak akan menerima pulangan tunai jika:

- Polisi/sijil anda dibatalkan
(Namun pulangan tunai yang diperoleh sebelum pembatalan masih akan dibayar)
- Meter kereta anda telah diusik, ditukar, atau rosak
- Jarak perjalanan melebihi purata harian yang ditetapkan untuk layak menerima pulangan tunai

27. Apa akan terjadi sekiranya saya tidak mendaftar untuk Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu?

Sekiranya anda tidak memuat naik gambar meter kereta dan plat nombor kereta anda, maka anda tidak dapat menikmati manfaat pulangan tunai untuk sepanjang tempoh polisi/sijil berkuatkuasa.

28. Adakah saya akan menerima notis peringatan untuk memuat naik bacaan meter kereta anda?

Ya, kami akan menghantar notifikasi peringatan melalui aplikasi Etiqa+. Sila pastikan penerimaan notifikasi diaktifkan di telefon pintar anda supaya anda dapat menerima notifikasi tersebut. Kami juga akan menghantar peringatan melalui emel. Sekiranya anda tidak menerima apa-apa notis peringatan, sila hubungi pasukan sokongan kami. Kami sentiasa sedia membantu.

29. Apakah yang perlu saya lakukan jika aplikasi Etiqa+ tergantung semasa saya memuat naik?

Jika aplikasi Etiqa+ tergantung atau tertutup semasa anda memuat naik, anda boleh cuba langkah mudah berikut:

1. Tutup dan buka semula aplikasi Etiqa+
2. Cuba memuat naik semula
3. Tutup dan hidupkan semula telefon anda sekiranya masalah masih berterusan
4. Nyahpasang dan pasang semula aplikasi Etiqa+ jika perlu

30. Bagaimanakah saya boleh mengemaskini maklumat bank untuk pembayaran pulangan tunai?

Anda boleh mengemaskini maklumat bank anda semasa memuat naik bacaan meter kereta anda melalui aplikasi Etiqa+.

- Sebelum muat naik bacaan meter kereta anda, tekan butang **Edit** pada bahagian maklumat bank
- Setelah anda berjaya memuat naik, perubahan hanya boleh dilakukan semasa penghantaran seterusnya
- Untuk memastikan proses pembayaran berjalan lancar, sila pastikan akaun bank tersebut adalah atas nama anda sendiri

31. Mengapa saya masih belum menerima pulangan tunai saya?

Pulangan tunai hanya akan diproses selepas bacaan meter kereta anda berjaya disahkan. Sekiranya anda masih belum menerima pulangan tunai, sila semak perkara berikut:

- Maklumat bank anda adalah betul dan menggunakan nama anda sendiri
- Status muat naik anda berjaya di bawah **Submission History** dalam aplikasi Etiqa+

32. Mengapa saya tidak dapat melihat Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu di bawah polisi/sijil kereta saya dalam aplikasi Etiqa+?

Jika manfaat Etiqa Cashback apabila Kurang Memandu tidak dipaparkan dalam aplikasi Etiqa+, polisi/sijil anda mungkin masih dalam proses pengemaskinian.

33. Mengapa butang pengaktifan Etiqua Cashback apabila Kurang Memandu tiada dalam aplikasi Etiqua+?

Butang pengaktifan mungkin tidak dipaparkan sekiranya:

- Polisi/sijil motor anda bukan pelan Insurans/Takaful Kereta Persendirian Komprehensif Etiqua
- Kereta anda digunakan untuk tujuan perniagaan, sewaan atau fleet
- Polisi/sijil anda belum aktif
- Pembaharuan polisi/sijil anda masih diproses
- Aplikasi Etiqua+ anda perlu dikemaskinikan (update) atau sistem sedang mengalami gangguan sementara

34. Bagaimanakah saya tahu jika pengaktifan atau muat naik bacaan meter kereta saya berjaya?

Anda akan menerima notifikasi melalui aplikasi Etiqua+ selepas pengaktifan atau muat naik bacaan meter kereta berjaya dilakukan. Untuk memastikan anda tidak terlepas sebarang kemas kini, sila aktifkan penerimaan notifikasi di aplikasi Etiqua+. Anda juga boleh menyemak status muat naik bacaan meter kereta anda pada bila-bila masa di bawah **Submission History** di bahagian Etiqua Cashback apabila Kurang Memandu.

35. Mengapa muat naik gambar meter kereta saya gagal?

Muat naik mungkin gagal disebabkan beberapa perkara berikut:

- Sambungan internet anda tidak stabil
 - Gambar kabur, tidak jelas atau terlalu gelap
 - Bacaan meter kereta tidak dapat dilihat dengan jelas
 - Saiz fail gambar terlalu besar
 - Format fail tidak disokong (hanya format JPEG atau PNG diterima)
 - Aplikasi Etiqua+ tidak mempunyai akses kepada kamera atau galeri gambar telefon anda
- Cuba memuat naik semula gambar meter kereta yang lebih jelas.

36. Apakah yang perlu saya lakukan jika saya memerlukan bantuan?

Anda boleh menghubungi kami melalui:

- Live Chat dalam aplikasi Etiqua+
- Emel kami di etiquamysupport@etiqua.com.my